

03/12/1998

PM gesa pekerja bersatu hadapi kapitalis baru

Faizal Fadzil

KUALA LUMPUR, Rabu - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta kesatuan sekerja menggubal pendekatan bagi menyelamatkan diri daripada kapitalis baru seperti pedagang mata wang.

Bagi membanteras kapitalis baru seperti pedagang mata wang, Perdana Menteri menyarankan pekerja berganding bahu dengan majikan untuk menyelamatkan perniagaan dan perusahaan serta ekonomi negara.

"Kerajaan juga perlu menyumbang kepada kerjasama ini. Dengan cara ini, satu benteng yang kukuh dapat didirikan untuk menghalang serangan pedagang mata wang dan pelabur jangka pendek yang hanya ingin mendapat keuntungan cepat tanpa mempedulikan nasib pekerja," katanya ketika merasmikan Konvensyen Cuepacs ke-21 di sini, petang ini.

Dr Mahathir menjelaskan, pedagang mata wang tidak mewujudkan peluang pekerjaan bagi pekerja biasa, sebaliknya menggunakan beberapa puluh pekerja untuk berdagang dengan berbilion dolar.

Katanya, pedagang mata wang menggunakan pekerja mahir yang sedikit dan dibayar upah yang tinggi tanpa sebarang kesatuan dan tidak perlu mogok.

Bagaimanapun, beliau menjelaskan, tindakan kapitalis baru itu menyebabkan puluhan juta pekerja di negara miskin hilang pekerjaan dan menganggur.

"Malangnya, senjata mogok dan tindakan perusahaan yang ada pada kesatuan sekerja tidak berkesan untuk melawan kapitalis moden ini.

"Sebaliknya, senjata moden ini jika diguna akan memburukkan lagi nasib pekerja. Ini kerana mereka tidak terdedah secara langsung kepada tindakan perusahaan pekerja.

"Mereka tidak pun berada atau tinggal di negara yang diserang mereka sehingga pekerja menjadi miskin," katanya.

Dalam pada itu, Perdana Menteri amat gembira kerana kesatuan sekerja dan pekerja di Malaysia amat berhati-hati menggunakan senjata mogok dan tindakan perusahaan terutama sewaktu kegawatan.

Justeru, beliau meminta majikan menghargai sikap kesederhanaan dan bertanggungjawab pekerja di negara ini dengan melayani tuntutan kakitangan mengikut kemampuan mereka.

Dr Mahathir menjelaskan, meskipun keadaan ekonomi dan keuntungan tidak menentu ketika ini, elaun tidak tetap wajar dipertimbangkan sekalipun upah tidak dapat dinaikkan.

"Tidak ada mogok dan tiada tuntutan yang bukan-bukan dibuat kesatuan sekerja. Majikan harus menghargai sikap kesederhanaan dan bertanggungjawab mereka.

"Di mana mereka mampu hendaklah mereka layan tuntutan pekerja. Memandangkan ketidaktentuan ekonomi dan keuntungan, upah tidak perlu dinaikkan jika tidak ada kemampuan.

"Tetapi elaun yang tidak tetap patutlah dipertimbangkan. Kerajaan sebagai majikan juga akan bersikap demikian," katanya.

Mengenai pemilihan jawatankuasa baru Cuepacs, Perdana Menteri meminta kesatuan itu tidak menggunakan sogokan untuk mendapatkan sokongan sebagaimana yang berlaku dalam parti politik.

"Memadailah dalam parti politik saja. Amatlah malang jika yang berjaya ialah yang mampu sahaja," katanya.

(END)